



CAP INDUSTRI-AKADEMI

- i. Memperkasakan Kerjasama dengan Pihak Industri (multinasional, lokal dan SMI) dalam Konteks Penjanaan Pendapatan, UniMAP



- ii. Penjanaan Pendapatan melalui Kolaborasi Strategik dengan Pihak Industri, UUM



IPTA

Projek Agenda Kritikal

KPI

Tajuk Aktiviti

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Cap Industri-Akademia

Jumlah pendapatan yang diperolehi dibahagikan dengan bajet operasi (%).

MEMPERKASAKAN KERJASAMA DENGAN PIHAK INDUSTRI (MULTINASIONAL, LOKAL DAN SMI) DALAM KONTEKS PENJANAAN PENDAPATAN.



Latar Belakang Aktiviti

Kerja-kerja perundingan dilaksanakan dalam tiga bentuk iaitu kursus jangka pendek, pengujian dan perundingan.

Sumbangan industri sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan (peralatan/ perkakasan) adalah amat perlu dalam meningkatkan kecemerlangan akademik universiti.

Geran penyelidikan daripada yang diperolehi daripada industri dan KPT adalah dana bagi membiayai penyelidikan. Antara geran penyelidikan yang diperolehi adalah seperti berikut:

- Agensi luar – penyelidikan luar Negara : RM 468,491.79.
- Agensi kerajaan (GLC) – IRPA/Agensi luar : RM 220,500.00.
- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) – ERGS, LRGS, PRGS : RM 5,111,336.00.

Penajaan diperoleh daripada bajet sektor kerajaan dan bukan kerajaan.

Pengkomersilan merupakan penajaan pendapatan melalui produk-produk yang dihasilkan universiti.

Perancangan Aktiviti

1. Mempromosi dan menjalankan pelbagai kursus jangka pendek, pengujian dan perundingan kepada sektor industri, kerajaan dan awam sepanjang tahun.
2. Pihak UniMAP memohon secara rasmi sumbangan daripada industri/kerajaan sama ada dalam bentuk peralatan atau penajaan.
3. Meningkatkan bilangan permohonan geran penyelidikan melalui permohonan kepada badan kerajaan, industri dan swasta
4. Meningkatkan pendapatan melalui penajaan aktiviti-aktiviti operasi.

Pelaksanaan Aktiviti

1. Mempromosikan kepakaran dan kemudahan makmal UniMAP kepada pihak industri dan badan kerajaan serta telah melaksanakan 23 MOU dan 3 MOA sepanjang tahun 2011.

2. Mengadakan lawatan dan sesi perbincangan dengan pihak industri berkaitan kemudahan yang ditawarkan universiti iaitu menyumbang sebanyak 50 industri di sekitar wilayah utara.
3. Memohon secara rasmi bagi mendapatkan sumbangan dan penajaan daripada pihak industri sama ada dalam bentuk peralatan atau penajaan iaitu sebanyak 50 industri syarikat berasaskan kerajaan (GLC), multinasional dan tempatan.
4. Membuat permohonan geran penyelidikan kepada pihak KPT, MOSTI, industri dan swasta. Sebanyak 19 geran penyelidikan (pelbagai jenis) telah diperolehi, di mana ia melibatkan 222 permohonan yang telah diluluskan.

Pencapaian

1. Menjalankan pelbagai kursus jangka pendek, pengujian dan perundingan kepada sektor industri, kerajaan dan awam.

JUMLAH: RM 1,062,770.66

2. Pihak UniMAP memohon secara rasmi sumbangan daripada industri / kerajaan sama ada dalam bentuk peralatan atau penajaan.

JUMLAH: RM 1,236,467.51

3. Perolehan geran penyelidikan melalui permohonan kepada badan kerajaan, industri dan swasta.

JUMLAH: RM 7,844,444.79

4. Pendapatan daripada aktiviti operasi:

- Yuran pengajian keseluruhan: RM 8,723,431.75.
- Sewaan: RM 343,043.73.

JUMLAH: RM 9,066,472.50

Dasar/Garis Panduan yang Menyokong Pelaksanaan

Dasar-dasar Tanggungjawab Sosial Korporat/Corporate Social Responsibility (CSR) sesebuah syarikat.

Isu-Isu Pelaksanaan

Kekangan masa, tempat dan kewangan kadangkala melambatkan proses penerimaan terutamanya yang melibatkan sumbangan peralatan/ perkakasan berteknologi tinggi dan memerlukan fasiliti serta logistik berspesifikasi tinggi.

Penambahbaikan

1. Penerbitan buku kepakaran dan kemudahan peralatan terkini di UniMAP yang boleh digunakan oleh industri.
2. Penubuhan UniMAP Holding untuk bergiat lebih aktif dalam mempromosikan kemudahan dan kepakaran UniMAP.
3. Pihak KPT memainkan peranan dalam menggalakkan lebih banyak sumbangan industri kepada universiti melalui penawaran insentif yang lebih menarik.
4. Peruntukan atau dana khas dari KPT untuk universiti yang memerlukan bantuan dalam penerimaan sumbangan industri memandangkan sumbangan dari industri yang berbentuk peralatan berkemungkinan memerlukan kos logistik dan kemudahan tambahan kerana kadangkala sumbangan ditawarkan adalah di luar jangkaan daripada perancangan universiti.
5. Peruntukan untuk geran penyelidikan yang lebih banyak dicadangkan dan diberikan kepada universiti baru.
6. Peruntukan geran khas penyelidikan kepada penyelidik baru untuk persaingan di peringkat yang lebih tinggi.
7. Mewujudkan pusat pengumpulan data dan produk hasil daripada penyelidikan yang bakal dikomersilkan.
8. Mewujudkan kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi mengkomersilkan produk yang dihasilkan di UniMAP.

Bahagian/Unit Bertanggungjawab

Pusat Kerjasama Industri (CIC)
UniMAP.

AKTIVITI YANG DIJALANKAN SEPANJANG 2011 - CAP INDUSTRI-AKADEMA



Bengkel CAP iPMO Industri-Akademia Kebangsaan 2011